

KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. 088-252692
Bil. KEW100-9/5
Tarikh : 09 Julai 2010

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Datuk/Tuan/Puan,

Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 12 Tahun 2010
Pindaan Para 3.4 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 1 Tahun 1998
Garis Panduan Mengenai Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan
Akaun Di Kementerian, Jabatan Dan Badan-Badan Berkanun Negeri

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan pindaan para 3.4 surat pekeling Kementerian Kewangan Bil. 1 Tahun 1998 - Garis panduan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Kementerian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri.

..12

2. LATAR BELAKANG

Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di Agensi Kerajaan Persekutuan dimana kekerapan mesyuarat seperti dinyatakan di para 10 ialah Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Oleh sebab itu Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 12 Tahun 1998 perlu dipinda selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 tahun 2004.

3. Pindaan para 3.4 pekeling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 1998 adalah seperti berikut:-


Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa di peringkat Kementerian dan Jabatan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Jawatankuasa di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun serta cawangan-cawangannya hendaklah juga bermesyuarat 3 bulan sekali.

4. Pindaan ini berkuatkuasa dengan serta merta.
5. Garis panduan yang lain dalam Pekeling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 1 1998 adalah tidak berubah.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap